

MBM anjur Pertandingan Halaman Cantik 2020

MIRI: Masyarakat setempat dipelawa menyertai Pertandingan Halaman Cantik 2020 anjuran Majlis Bandaraya Miri (MBM) yang bertujuan menggalakkan penglibatan penduduk Miri dalam aktiviti keceriaan dan landskap di kawasan rumah, pejabat dan premis masing-masing.

Pertandingan tersebut yang turut mendidik masyarakat mengamalkan sikap bersih serta mencantikkan persekitaran itu terbuka kepada 14 kategori iaitu Rumah Tradisional/Kampung, Rumah Sesebuah/Banglo, Rumah Teres, Rumah Berkembar/Teres Lot Tepi, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Universiti/Kolej/Institusi Pendidikan/Latihan, Bangunan Agensi Kerajaan, Bangunan Swasta/GLC, Hotel/Resort, Rumah Ibadat manakala kategori Inap Desa (Homestay), Rumah Kampung (Sesebuah/Berkembar) dan Kampung bagi daerah Bario.

Gambar bagi setiap halaman rumah atau taman yang ingin dipertandingkan perlu disertakan dalam bentuk lima keping gambar bercetak dan lima salinan lembut.

Penilaian peringkat pertama adalah berdasarkan gambar yang telah dikemukakan dan hanya lima peserta mendapat markah tertinggi akan layak ke pusingan kedua iaitu penilaian di tapak.

Bagi kategori Rumah

Tradisional, Rumah Sesebuah/Banglo, Rumah Teres, Rumah Berkembar/Teres, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Universiti/Kolej/Institusi Pendidikan/Latihan, Bangunan Kerajaan dan Bangunan Swasta, Rumah Kampung (Sesebuah/Berkembar) dan Kampung markah dibahagi kepada lima bahagian iaitu koleksi landskap lembut (softscape), koleksi landskap kejur (hardscape), penyelenggaraan dan kebersihan, kreativiti dalam reka bentuk serta inisiatif 3R/amalan hijau.

Manakala bagi kategori hotel dan inap desa, markah adalah berdasarkan bahagian luar bangunan iaitu sebanyak 60 peratus dan bahagian dalam bangunan 40 peratus.

Juara bagi kategori Rumah Tradisional/Kampung, Rumah Sesebuah/Banglo, Rumah Teres, Rumah Berkembar/Teres Lot Tepi, Inap Desa (Homestay), Rumah Kampung (Sesebuah/Berkembar) bakal membawa pulang RM1,000 berserta trofi dan sijil, tempat kedua RM700 berserta trofi dan sijil manakala tempat ketiga akan menerima RM500, trofi berserta sijil.

Manakala bagi kategori Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Universiti/Kolej/Institusi Pendidikan/Latihan, Bangunan Agensi Kerajaan, Bangunan Swasta/GLC, Ho-

tel/Resort, Rumah Ibadat dan Kampung (Daerah Bario), bakal membawa pulang wang RM2,000 berserta sebuah trofi dan sijil, tempat kedua RM1,500 berserta sebuah trofi dan sijil manakala tempat ketiga akan menerima RM1,000, trofi berserta sijil.

Borang permohonan boleh didapati di Bangunan Landskap, Kaunter Pembayaran MBM, UTC atau Seksyen Perhubungan Awam MBM pada waktu pejabat.

Mereka yang berminat juga boleh melayari laman sesawang MBM www.miricouncil.gov.my.

Permohonan penyertaan telah bermula pada 1 September dan tarikh tutup adalah pada 30 Oktober.


Borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada penyelaras Pertandingan Halaman Cantik 2020, Bahagian Landskap, MBM, Paras 2A, Bangunan UTC/Letak Kereta MBM.

Penyertaan akan dinilai oleh panel hakim yang dilantik dan keputusan adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

Untuk sebarang pertanyaan berhubung pertandingan tersebut, hubungi Rane Mary di talian 085-420182 atau Nordiah, Marina, Lahin, Laila Nabilla atau Nilan di talian 085-414682 atau 085-420178.

13/09/20

Horticulturist,
for yr info pls. tq


14/9/2020